

**KENYATAAN SEBUT HARGA
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

- Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan PKK, memegang **Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK)** di **Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang sahaja** yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, bagi kerja-kerja berikut :-

(i)	NO. SEBUTHARGA	PERDA/BHT/S/15/2026
(ii)	TAJUK SEBUTHARGA	KERJA-KERJA NAIK TARAF PENDAWAIAN DAN PEMASANGAN KELENGKAPAN PENYAMAN UDARA SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI IBU PEJABAT PERDA, BUTTERWORTH, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.
(iii)	KELAYAKAN	Gred G1 : Kategori ME:- Pengkhususan M01 (Sistem Hawa Dingin Dan Pengedaran Udara)
(iv)	TARIKH LAWATAN TAPAK DAN MASA	20 Ogos 2026 (Khamis) Pendaftaran : 10.00 pagi hingga 10.30 pagi Taklimat : Selepas pendaftaran
(v)	TARIKH & MASA MUAT TURUN DOKUMEN SEBUT HARGA	21 Ogos 2026 (Jumaat, 10.00 pagi) hingga 27 Ogos 2026 (Khamis, 5.00 petang) Di dalam laman sesawang perolehan.perda.gov.my
(vi)	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA	1 September 2026 (Selasa) pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

- Kontraktor adalah **WAJIB** mendaftar dengan pihak PERDA dan melengkapkan profil syarikat dengan melayari perolehan.perda.gov.my pada bila-bila masa **sebelum** menyertai sebarang lawatan tapak sebutharga PERDA. Sila rujuk **PANDUAN PENGGUNAAN SISTEM PEROLEHAN PERDA** di dalam laman web tersebut. Kontraktor perlu mengimbas dan memuat naik dokumen wajib yang masih sah semasa pendaftaran dan perlu mengemaskini dari semasa ke semasa.

- Lawatan tapak dan taklimat adalah **WAJIB**. Kontraktor dikehendaki berkumpul dan mendaftar di perkarangan **Dewan Mutiara Perdana Ibu Pejabat PERDA** pada **20 Ogos 2026 (Khamis), jam 10.00 pagi** dengan membawa **Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK)** yang masih sah. Hanya Pemilik / Penama dalam Sijil sahaja yang dibenarkan membuat pendaftaran semasa lawatan tapak ini. Kontraktor yang hadir, mendaftar lawatan tapak serta memenuhi syarat-syarat kelayakan sahaja yang boleh memuat turun dan mencetak sendiri kesemua **DOKUMEN SEBUTHARGA** dan **lain-lain Lampiran (jika ada)** di dalam laman sesawang perolehan.perda.gov.my bermula dari tarikh **21 Ogos 2026 (Jumaat, jam 10.00 pagi)** hingga **27 Ogos 2026 (Khamis, jam 5.00 petang)**. Senarai dokumen **wajib** yang perlu dimuat turun dan dihantar adalah seperti berikut:

- Dokumen Sebutharga
- Surat Pengesahan Pendaftaran PERDA

- Dokumen yang lengkap diisi dan dilakri serta ditulis No. Sebutharga dan Tajuk Sebutharga di sudut atas sampul surat, hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Tingkat 5, Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth** pada **1 September 2026 (Selasa) jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari**.

- PERDA tidak akan terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini.